

Misunderstanding on Fasting Practice in Rajab

**Mohd Farhan Md Ariffin¹, Khadher Ahmad¹*

¹*Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur*

e-mail: *al.muqarrobiin@gmail.com*

Abstract

In the phase of approaching Ramadan, arise many questions on religious worship in two previous months every year. Among key practices that are often debated is fasting in Rajab. Most obvious, the dispute involving “believers” that constantly defending their standpoint and group respectively. On the other hand, they announce ostensibly so-called Rajab has many blessings, and sometimes the preferential advantages seen exceed Ramadan. On the other hand, they are strictly prohibits and as a result giving rise towards *tabdi'* and *tafsiq* culture. Therefore, an effort to harmonize both parties seem important to express moderate views. Based on the analysis of qualitative methods, researcher strive to highlight real understanding in this matter. The study focuses specifically on the discussion regarding Rajab hadith status, have found many fake hadith regarding the invalidity of fasting specifically in Rajab. As a result, it was found that fasting in Rajab in particular is not accurate. However it can be carried out in general with full understanding to its implementation reason. It is hoped this article is beneficial to help unravel *ummah* problem and clarify current situation.

Keywords: Misunderstanding, Rajab, Advantage, Fasting, Clarification

Salah Faham Berhubung Amalan Puasa Dalam Bulan Rejab

Abstrak

Dalam fasa menghampiri Ramadan, timbul banyak persoalan tentang ibadah dalam dua bulan sebelumnya pada saban tahun. Antara amalan utama yang sering diperdebatkan ialah puasa di bulan Rejab. Paling ketara, perselisihan adalah melibatkan golongan “agamawan” yang saling bertegang urat mempertahankan hujah dan *firqah* masing-masing. Di sebelah pihak, mereka mencanang keronnya bulan Rejab memiliki banyak barakah, bahkan kadang kala kelebihannya dilihat melebihi Ramadan. Di sebelah pihak lain, mereka melarang dengan penuh tegas sehingga menimbulkan budaya *tafsiq* dan *tabdi'*. Oleh itu, usaha untuk mengharmonikan kedua-dua belah pihak dilihat penting ke arah melahirkan pandangan bersifat wasatiyyah. Berdasarkan pendekatan analisis berdasarkan kaedah kualitatif, pengkaji berusaha mengetengahkan kefahaman yang sebenar dalam hal ini. Memfokuskan kajian khusus terhadap perbincangan status hadith berkaitan Rejab, didapati banyak hadith palsu mengenai ketidaksahtahanan puasa sunat secara khusus dalam bulan Rejab. Hasilnya, didapati amalan puasa dalam bulan Rejab secara khusus adalah tidak *thabit*. Namun sunat dilakukan secara umum dengan memahami *asbab* pengamalannya. Diharapkan artikel ini bermanfaat membantu merungkai permasalahan ummah dan menjernihkan keadaan semasa.

Kata kunci: Salah faham, Rejab, *Fadilat*; Puasa, Pencerahan

Pendahuluan

Persoalan mengenai Rejab sememangnya bukan isu

baru. Bahkan para ulama' sudah membahaskan dalam kitab karangan atau menjawab terhadap persoalan yang diajukan masyarakat kepada mereka.

Ini sebagaimana diisyaratkan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani:

"Sekelompok sahabatku telah berulang kali meminta agar aku mengumpulkan semua riwayat mengenai kelebihan bulan Rejab berserta ibadah puasa dan solat khusus di dalamnya. Seterusnya menerangkan (riwayat) sahih daripada yang sakit (rosak). Maka, aku pun mencoretkan (perihal Rejab) dalam tulisanku ini." (al-'Asqalani, t.t.)

Namun begitu, masih timbul salah faham atau "boleh dianggap" sebagai kekeliruan khususnya berhubung amalan berpuasa Rejab dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Hal ini boleh dilihat apabila menjelang bulan Rejab saban tahun. Perperangan pendapat dan hujah akan berlaku di laman sembang maya seperti *facebook*, *twitter* dan sebagainya.

Skop dan Metodologi

Hadith merupakan sumber hukum kedua dalam Islam. Bagi mempraktikkan ajaran Islam yang tepat, umat Islam wajib merujuk kepada hadith *sahih*. Kepentingan merujuk kepada hadith *sahih* bagi mengelakkan umat Islam daripada terjerumus dalam penyelewengan dan penyalahgunaan nas.

Lebih malang lagi jika nas-nas berkaitan syariat yang dirujuk daripada sumber tidak sahih bakal menyebabkan ibadah seseorang menjadi rosak, batal atau *fasid*.

Memfokuskan perbincangan terhadap status hadith berkenaan Rejab, didapati banyak hadith palsu mengenai ketidaksahihan fadilat atau puasa sunat secara khusus dalam bulan Rejab.

Oleh itu, penulisan memfokuskan pendekatan analisis berdasarkan kaedah kualitatif terhadap kitab-kitab rujukan *turath* dalam menyatakan status setiap hadith dan penjelasan isu berbangkit.

Setelah semua perbahasan dilengkapkan, pengkaji turut memberi panduan dalam cara mempraktikkan amalan puasa sunat Rejab dengan kaedah paling tepat menurut acuan para ulama' *salaf al-Soleh*.

Bulan Rejab Sebagai Bulan Haram

Diriwayatkan daripada Abi Bakrah RA, Nabi SAW bersabda: "Masa beredar sebagaimana keadaannya sejak hari Allah SWT menciptakan langit dan bumi. Setahun mengandungi 12 bulan. Daripadanya terdapat 4 bulan haram: 3 yang berturut-turut iaitu: *Dhu al-Qa'idah*, *Dhu al-Hijjah*, *Muharram* dan *Rejab* pula berada antara *Jumadi (al-Akhir)* dan *Sya'ban*."

[Hadith riwayat al-Bukhari]

Bulan haram bukan bermaksud bulan yang diharamkan dari sudut bahasa. Ia juga bukan bermaksud bulan yang perlu ditakuti kerana menggunakan kata haram. Namun ia merupakan bulan suci yang diharamkan berperang di dalam bulan tersebut.

Amalan larangan berperang dalam empat bulan haram ini hakikatnya dimaklumi oleh masyarakat Arab Jahiliyyah dan mereka menghormati bulan-bulan tersebut. Selain itu, perkara haram adalah sangat dilarang secara berat dalam bulan ini.

Dalam erti kata lain, pengharaman menjadi lebih kuat jika dilakukan dalam bulan haram ('Abd al-Rahman Ibn 'Ali al-Jawzi, 1984). Allah SWT berfirman:

Terjemahan: "Sesungguhnya bilangan bulan pada sisi Allah adalah dua belas bulan, dalam ketetapan Allah di waktu Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan haram. Itulah (ketetapan) agama yang lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan yang empat itu."

[Surah al-Tawbah (9): 36]

Ibn Rajab mengatakan: "Allah SWT menjelaskan bahawa sejak penciptaan langit dan bumi, penciptaan malam dan siang, keduanya berputar di orbitnya. Allah SWT menciptakan matahari, bulan dan bintang lalu menjadikan matahari dan bulan berputar pada orbitnya.

Dari situ muncul cahaya matahari dan juga rembulan. Sejak itu, Allah SWT menjadikan satu tahun menjadi dua belas bulan sesuai dengan munculnya hilal. Satu tahun dalam syariat Islam dihitung berdasarkan putaran dan munculnya bulan, bukan dihitung berdasarkan putaran matahari sebagaimana yang dilakukan oleh *Ahli Kitab*" ('Abd al-Rahman Ibn Ahmad Ibn Rajab, 1999).

Kesalahfahaman Tentang *Fadilat* Bulan Rejab

Sebagaimana disebutkan bahawa bulan haram melarang seseorang melakukan perkara haram dan perang. Oleh itu, ia adalah galakan untuk melakukan perkara-perkara yang baik. Dalam erti kata lain, umat Islam amat digalakkan melakukan ketaatan pada bulan-bulan haram.

Dalam tradisi masyarakat Arab apabila masuk bulan Rejab, senjata-senjata akan diletakkan dan perang dihentikan. Orang ramai akan berasa aman dan jalanan boleh dilalui tanpa rasa takut sehingga berakhirnya bulan (al-'Asqalani, t.t.).

Namun begitu, dalil-dalil khusus membicarakan mengenai kelebihan bulan Rejab dan anjuran berpuasa di dalamnya adalah berstatus lemah bahkan palsu menurut pengamatan para ulama' (Hisam al-Din Ibn Musa 'Afghanah, 2008).

Berikut merupakan hadith palsu popular dalam kalangan masyarakat Malaysia yang dipercayai menonjolkan mengenai kelebihan bulan Rejab sejak sekian lama:

Terjemahan: “Rejab adalah bulan Allah SWT, Sya’ban adalah bulanku, dan Ramadan adalah bulan umatku.”
 [Status: Hadith Palsu] (Ibn Qayyim al-Jawziyah, t.t.; Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn ‘Uthman al-Dhahabi, 1998).

Terjemahan: “Rejab adalah bulan Allah, Sya’ban bulanku dan Ramadan bulan umatku. Maka sesiapa yang berpuasa pada bulan Rejab dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala daripada Allah SWT, maka dia wajib mendapat keredaan Allah SWT yang agung dan ditempatkan di syurga firdaus yang tertinggi. Sesiapa yang berpuasa dua hari dari bulan Rejab maka baginya pahala dua kali ganda, timbangan tiap-tiap ganda bagaikan bukit-bukit di dunia. Sesiapa yang berpuasa tiga hari dari bulan Rejab, maka Allah SWT menjadikan antaranya dan neraka sebuah parit yang panjangnya setahun perjalanan. Sesiapa yang berpuasa empat hari dari bulan Rejab, maka akan diselamatkan dari bala, gila, kusta, sopak, fitnah al-Masih al-Dajjal dan azab kubur.”

[Status: Hadith Palsu] (Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn ‘Uthman al-Dhahabi, 1998).

Terjemahan: “Sesiapa yang menghidupkan malam pada bulan Rejab, Allah SWT akan mempersiapkan tempatnya di dalam syurga.”

[Status: Hadith Palsu] (Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn ‘Uthman al-Dhahabi, 1998).

Dalam menjelaskan hal ini, Ibn Hajar al-‘Asqalani, amir al-Mu’minin dalam bidang hadith telah mengarang sebuah kitab khusus yang bertajuk *Tabyin al-‘Ajab bi Ma Warada fi Syahr Rejab*. Beliau menyatakan: (al-‘Asqalani, t.t.).

“Tidak terdapat nas yang sahih lagi *thabit* dalam membicarakan kelebihan bulan Rejab, begitu juga amalan berpuasa di dalamnya atau berpuasa pada salah satu harinya daripada bulan Rejab secara tertentu serta melakukan solat malam secara khusus di dalamnya” (Ibn Qayyim al-Jawziyah, t.t.)

Malah kelebihan dan ganjaran menghidupkan malam pada bulan Rejab (solat *Ragha’ib* atau sebagainya), semuanya ialah palsu dan pendustaan atas nama Rasulullah SAW.

Seterusnya, Ibn Qayyim al-Jawziyah turut mengisyaratkan kaedah sama yang disebutkan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani. Beliau berkata dalam kitab *al-*

Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da’if:

“Semua hadith yang mengungkapkan mengenai (kelebihan) puasa Rejab dan solat pada malam-malam tertentu di bulan tersebut adalah dusta yang nyata” (Ibn Qayyim al-Jawziyah, t.t.).

Sheikh Soleh Fawzan al-Fawzan juga menyatakan:

“Tidak (juga) *thabit* dari nas yang sahih berkenaan ibadah khusus dalam bulan Rejab, sama ada puasa, haji, umrah, sembelihan, *Qiyam al-Layl* dan sebagainya. Sesungguhnya Rejab itu sebagaimana bulan-bulan yang lain. Sesiapa yang mengkhususkan ibadah tertentu dalam bulan Rejab, maka mereka tergolong dalam kalangan pelaku *bid’ah*. Mereka mengada-adakan sesuatu dalam perkara agama. Allah dan Rasul-Nya tidak pernah mensyariatkan ibadah khas dalam bulan Rejab” (Soleh Ibn Fawzan al-Fawzan, 2003).

Amalan Puasa Dalam Bulan Rejab

Memperkatakan mengenai bulan Rejab, pasti tidak terlepas dari membicarakan mengenai amalan berpuasa di dalamnya yang dikatakan sebagai “*sunnah*”.

Masyhur di sisi masyarakat Malaysia bahawa “disunatkan” untuk berpuasa pada 1hb Rejab, hari Khamis minggu pertama bulan Rejab, Nisfu Rejab dan 27hb Rejab bersempena Israk Mikraj.

Sama seperti kelebihan bulan Rejab, hal ini kebanyakannya dipacu oleh pelbagai hadith palsu yang mengakar dalam masyarakat sekian lama. Misalnya:

i. Hadith-Hadith Palsu

Terjemahan: “Ketahuilah sesungguhnya Rejab itu adalah bulan Allah al-Asam. Maka sesiapa berpuasa pada bulan itu satu hari dengan penuh keimanan dan pengharapan maka dia pasti akan mendapatkan reda Allah SWT yang besar. Sesiapa berpuasa pada bulan itu dua hari maka dia akan mendapatkan sesuatu yang tidak dapat disifatkan oleh penghuni langit dan bumi tentang kemuliaannya di sisi Allah SWT. Sesiapa berpuasa tiga hari maka akan dijauhi dari bala dunia, azab akhirat, penyakit gila, kusta, sopak dan fitnah Dajjal. Sesiapa berpuasa tujuh hari maka akan ditutup ke atasnya tujuh pintu neraka. Sesiapa berpuasa lapan hari maka dibukakan untuknya lapan pintu syurga. Sesiapa berpuasa sepuluh hari maka tidaklah dia meminta sesuatu kepada Allah kecuali akan dikabulkan. Sesiapa berpuasa lima belas hari maka akan diampuni dosadosnya yang terdahulu dan segala kesalahannya akan diganti dengan kebaikan. Sesiapa berpuasa lebih daripada itu, maka Allah SWT akan menambahkan lagi pahala baginya.”

[Status: Hadith Palsu] (al-'Asqalani, t.t.).

Kritikan: Dalam sanad riwayat al-Bayhaqi terdapat beberapa perawi yang da'if, amat da'if dan seorang yang dituduh meriwayatkan hadith palsu daripada perawi *thiqah*.

Antaranya adalah 'Utsman ibn Matar, dia dinilai da'if oleh Abu Hatim, al-Nasa'i, al-Dhahabi dan Ibn Hajar. Abu Salih 'Abd al-Gahafur al-Wasiti pula menurut al-Bukhari, mereka meninggalkan riwayatnya dan hadithnya munkar. Ibn 'Adiy berkata: Dia merupakan seorang yang da'if dan hadithnya munkar.

Ibn Hibban pula menyatakan bahawa dia meriwayatkan hadith-hadith palsu daripada perawi *thiqah*. Al-Bayhaqi yang meriwayatkan hadith ini hanya mengatakan bahawa sanadnya da'if, akan tetapi Ibn Hajar yang kemudian diikuti oleh Ibn 'Arraq menghukumkan sebagai palsu (al-'Asqalani, t.t.).

Dalam misal lain:

Terjemahan: "Sesiapa berpuasa sunat tiga hari pada bulan Rejab, Allah SWT akan menulis baginya (ganjaran) puasa sebulan. Sesiapa yang berpuasa tujuh hari pada bulan Rejab, Allah SWT menutup baginya tujuh pintu neraka. Sesiapa yang berpuasa lapan hari di bulan Rejab, Allah SWT membuka baginya lapan pintu syurga. Sesiapa yang berpuasa setengah bulan Rejab, Allah SWT menuliskan baginya keredaan-Nya. Sesiapa yang sudah ditetapkan baginya keredaan-Nya, dia tidak akan diazab dan siapa yang berpuasa penuh bulan Rejab, Allah SWT akan menghisabnya (di hari kiamat) dengan hisab yang ringan."

[Status: Hadith Palsu] (Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Uthman al-Dhahabi, 1998; al-'Asqalani, t.t.).

"Rejab adalah bulan Allah al-Asam. Sesiapa yang berpuasa sehari di bulan Rejab, atas dasar iman dan mengharapkan pahala, maka dia berhak mendapat reda Allah SWT yang besar."

[Status: Hadith Palsu] (Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Uthman al-Dhahabi, 1998).

"Sesiapa yang berpuasa tiga hari bulan Rejab, Allah SWT akan mencatat baginya puasa sebulan penuh. Siapa yang berpuasa tujuh hari maka Allah menutup tujuh pintu neraka."

[Status: Hadith Palsu] (Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Uthman al-Dhahabi, 1998).

"Sesiapa yang berpuasa di bulan Rejab dan solat empat rakaat, maka dia tidak akan mati sampai dia melihat tempatnya di syurga atau dia diperlihatkan."

[Status: Hadith Palsu] (Shams al-Din Muhammad Ibn

Ahmad Ibn 'Uthman al-Dhahabi, 1998).

"Sesungguhnya bulan Rejab adalah bulan yang agung, sesiapa yang berpuasa sehari, Allah SWT akan mencatat baginya puasa selama 1000 tahun."

[Status: Hadith Palsu] (Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Uthman al-Dhahabi, 1998).

"Maka mereka (para Malaikat AS) mengatakan: Wahai Tuhan kami, keinginan kami adalah agar engkau mengampuni orang yang suka puasa Rejab. Allah SWT berfirman: Hal itu sudah Aku lakukan. Kemudian Nabi SAW bersabda: "Sesiapa yang berpuasa hari Khamis pertama dalam bulan Rejab, kemudian solat antara maghrib sampai isya', iaitu pada malam Jumaat sebanyak dua belas rakaat... (sehingga akhirnya)."

[Status: Hadith Palsu] (al-'Asqalani, t.t.).

Mengulas isu berikut, Ibn Rajab al-Hanbali mengatakan:

"Menisbahkan amalan puasa secara khusus dalam bulan Rejab bukanlah sesuatu yang *thabit* daripada Nabi SAW. Begitu juga dengan kelebihan berpuasa pada bulan Rejab secara khusus tidak *thabit* dari Rasulullah SAW dan para sahabat RA" (Hisam al-Din Ibn Musa 'Afana, 2008).

ii. Hadith-Hadith Da'if

Diriwayatkan daripada 'Abd Allah Ibn al-Harith (dengan bicara yang panjang sebelumnya).....

"Berpuasalah kamu pada bulan-bulan haram dan berbukalah (diucapkan tiga kali), Nabi SAW lalu memberi isyarat dengan tiga jarinya, menghimpun tiga jari itu lalu menguraikannya."

[Hadith riwayat Abu Dawud]

Menurut Muhammad Shams al-Haq al-'Azim Abadi, maksud *atraf* hadith: "*Nabi SAW lalu memberi isyarat dengan tiga jarinya, menghimpun tiga jari itu lalu menguraikannya*" ialah Nabi SAW berpuasa tidak lebih daripada tiga hari berturut-turut dalam bulan haram dan baginda SAW kemudiannya meninggalkan satu atau dua hari selepasnya menurut sebahagian pendapat.

Namun, pendapat paling tepat ialah Nabi SAW berpuasa selama tiga hari dan meninggalkan tiga hari selepasnya (Hisam al-Din Ibn Musa 'Afana, 2008).

Dalam hadith lain:

Terjemahan: "Berpuasalah pada bulan Haram (*Dhu al-Qa'idah, Dhu al-Hijjah, Muharram* dan *Rejab*)."

[Hadith riwayat Ibn Majah]

Meski kedua-dua hadith berikut dihukum *da'if* (lemah) menurut Imam al-Albani (Abu Dawud Sulayman Ibn al-'Ath'ath al-Sajistani, t.t.; Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni, t.t.), kehormatan dan kelebihan empat bulan haram termasuk Rejab tidak boleh dinafikan.

Menurut mazhab al-Shafi'i, diharuskan berpuasa dalam bulan Rejab, Sya'ban dan selainnya secara am (Abu al-Hasan 'Ali Ibn Muhammad Ibn Habib al-Mawardi, t.t.). Pandangan ini juga disepakati para ulama' (Soleh Ibn Fawzan al-Fawzan, 2003).

Jika diperakui hukum hadith oleh Imam al-Albani, hadith anjuran berpuasa dalam bulan haram masih boleh diterima dalam konteks *fada'il al-A'mal* (kelebihan amalan) dan *targhib wa tarhib*.

Tambahan, Imam Nawawi juga jelas menerima nas tersebut dengan kata-katanya:

"Adalah digalakkan berpuasa dalam bulan-bulan haram secara umum dan Rejab juga merupakan salah satu daripadanya sebagaimana diriwayatkan dalam Sunan Abu Dawud" (al-Nawawi, 1929).

Dalam hal penggunaan hadith daif, Ibn Hajar al-'Asqalani menyatakan:

"Masyhur dalam kalangan ahli ilmu yang membolehkan penggunaan hadith *da'if* (lemah) selagaimana tidak tergolong dalam hadith *mawdu'* (palsu) dalam perkara *fada'il* (kelebihan amalan).

Oleh itu, perlu untuk mensyaratkan bahawa para pelaku mengetahui dan mengisyiharkan keadaan hadith *da'if* yang dijadikan *i'tiqad* atau amalan.

Jika tidak diisyiharkan (keadaan hadith tersebut yang lemah dan membawa kepada amalan), berkemungkinan seseorang akan mensyariatkan perkara yang tidak disyariatkan atau disangka oleh sebahagian orang jahil bahawa ia adalah *sunnah sahihah*" (al-'Asqalani, t.t.).

Dalam perbincangan seterusnya, Ibn Hajar al-'Asqalani menjelaskan lagi jika hadith itu lemah adakah boleh diamalkan, dengan katanya (al-'Asqalani, t.t.);

"Tiada beza beramal dengan hadith (lemah) pada hukum atau pada *fada'il* jika semuanya merupakan (dianggap) sebagai syariat."

Justeru, pemakaian hadith *da'if* dalam menerangkan perihal puasa di bulan haram perlu diisyiharkan, tidak boleh mengkhususkan amalan tersebut, kelebihan amalan adalah secara umum dan bukan berasal dari perkara syariat yang wajib dilakukan.

Seterusnya dalam penelitian lebih mengkhusus, didapati memang terdapat nas yang mengisyaratkan tentang "puasa Rejab". Ini sebagaimana hadith:

Diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas RA, "Sesungguhnya Nabi SAW menegah dari puasa Rejab."

[Hadith riwayat Ibn Majah]

Namun begitu, hadith di atas yang menggambarkan larangan puasa Rejab tidak perlu diperbahaskan kerana berstatus sangat lemah, ditinggalkan dan tidak layak dijadikan hujah atau sokongan dalam bab *fada'il al-A'mal* (Safa' al-Dawi Ahmad al-'Adawi, 1999).

iii. Hadith Sahih

Diriwayatkan daripada 'Uthman Ibn Hakim al-Ansari telah menceritakan kepada kami dengan berkata: aku pernah bertanya kepada Sa'id Ibn Jubayr mengenai puasa Rejab, dan kami ketika itu berada dalam bulan Rejab. Maka dia menjawab: aku pernah mendengar Ibn 'Abbas RA berkata: "Rasulullah SAW pernah berpuasa (dalam bulan Rejab) sehingga kami mengatakan baginda SAW tidak berbuka, dan baginda SAW juga berbuka sehingga kami mengatakan baginda SAW tidak berpuasa."

[Hadith riwayat Muslim & Abu Dawud]

Menurut Imam al-Nawawi dalam mensyarakhan hadith tersebut, beliau menyatakan bahawa jawapan Sa'id Ibn Jubayr menunjukkan tiada cegahan atau galakan berpuasa dalam bulan Rejab secara khusus.

Hukum berpuasa di dalam bulan Rejab adalah sebagaimana baki bulan-bulan yang lain. Asal hukum berpuasa adalah sunat pada semua hari kecuali pada dua hari raya (Aidilfitri dan Aidil Adha) serta tiga hari Tasyrik (11, 12 dan 13 Zulhijjah) dalam setahun (al-Nawawi, 1929).

Kesimpulannya, amalan berpuasa dalam bulan Rejab adalah harus dilaksanakan. Hal ini berpaksikan tiga perkara:

[Pertama]: Galakan umum untuk berpuasa dalam mana-mana hari dalam bulan Islam kecuali hari yang dilarang. Hal ini boleh didapati dalam banyak nas dan dalil am.

[Kedua]: Galakan khas untuk berpuasa dalam bulan-bulan haram, termasuklah Rejab sebagaimana anjuran Nabi SAW supaya berpuasa dalam bulan-bulan haram (*Dhu al-Qa'idah*, *Dhu al-Hijjah*, *Muharram* dan *Rejab*) secara umum tanpa mengkhususkan kepada bulan Rejab semata.

[Ketiga]: Mengkhususkan ibadah, fadilat, hari dan waktu tertentu dalam bulan Rejab dikira sebagai rekaan dan tiada yang *thabit* melalui nas sahih (Soleh Ibn Fawzan al-Fawzan, 2003).

iv. Amalan Salaf al-Soleh

Merujuk amalan salaf dalam perkara ini (puasa Rejab), hal ini terbahagi kepada dua kelompok. Satu kelompok bebas mengamalkannya sebagaimana Sufyan al-Thawri, salah seorang tabi'in terkenal pernah menyebutkan, "Pada bulan-bulan haram, aku sangat suka berpuasa di dalamnya."

Malah Ibn 'Umar, al-Hasan al-Basri dan Abu Ishaq melakukan puasa pada seluruh bulan haram, bukan hanya bulan Rejab atau salah satu dari bulan haram lainnya.

'Ulama mazhab Hanbali pula memakruhkan berpuasa pada bulan Rejab sahaja, tetapi tidak pada bulan haram lainnya ('Abd al-Rahman Ibn Ahmad Ibn Rajab, 1999).

Manakala satu kelompok lagi tidak mahu mengamalkannya mengikut pendirian dan alasan masing-masing. Dalam kalangan para sahabat RA misalnya, puasa Sya'ban lebih masyhur berbanding puasa Rejab.

Hal ini kerana Nabi SAW lebih banyak berpuasa dalam bulan Sya'ban, tidak seperti puasa Rejab di mana sukar didapati dalam kalangan sahabat RA yang melakukannya.

Apa yang pasti, terdapat sebahagian sahabat RA yang menegah puasa Rejab seperti Saidina 'Umar dan Ibn 'Abbas RA.

Diriwayatkan dalam satu peristiwa, Saidina Umar RA pernah memukul tangan seorang lelaki yang berpuasa pada bulan Rejab sehingga dia berbuka (untuk memaksanya makan). Beliau mengatakan: "Ia (Rejab) merupakan bulan yang diagungkan oleh golongan Arab Jahiliyyah" (al-'Asqalani, t.t.).

Selain itu, Abu Zayd al-Qayrawani (922-996H) menyatakan bahawa:

"Ibn 'Abbas RA membenci puasa Rejab secara seluruhnya kerana ditakuti orang-orang jahil akan menganggapnya sebagai kewajipan" (Abu Syamah al-Syafi'i, 1981).

Ibn Qayyim al-Jawziyyah juga menyebutkan:

"Aku tidak pernah berpuasa dalam bulan Rejab walaupun sedikit pun dan aku tidak menyukai berpuasa di dalamnya" (Khalil Ahmad al-Sahharanfuri, t.t.).

Kesimpulan

Menjadi pilihan bagi umat Islam dalam persoalan puasa Rejab. Kebebasan untuk mengamalkan atau sebaliknya terpulang kepada jiwa dan kecenderungan masing-masing dengan syarat tidak mengkhususkan amalan puasa dalam bulan tersebut.

Perlu difahami tiada nas yang dapat menyokong *khususiyah* amalan puasa dalam bulan Rejab secara pasti melainkan hanya kedudukan amnya sebagai salah satu daripada bulan haram yang dianjurkan berpuasa di dalamnya.

Akhirnya, hal ini penting untuk membetulkan tanggapan semua pihak terhadap perkara ini sekaligus menghindarkan budaya *tafsiq, tabdi'* atau *takfir* sesama Muslim.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaya (UM) atas pemberian geran penyelidikan (FP026-2015A) bertajuk "Salah Faham Terhadap Sunnah Di Malaysia: Kajian Ke Arah Mengharmonikan Pandangan Antara Golongan Yang Menolak Dengan Golongan Yang Menerima."

Rujukan

'Abd al-Rahman bin 'Ali al-Jawzi (1984), *Zad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*, Beirut; al-Maktab al-Islami, 3: 432.

'Abd al-Rahman Ibn Ahmad Ibn Rajab (1999), *Lata'if al-Ma'arif fi Ma li Mawasim al-'Am min al-Mawazif*, Dimasyq: Dar Ibn Kathir, 217.

Abu al-Hasan 'Ali Ibn Muhammad Ibn Habib al-Mawardī (t.t.), *Al-Iqna' fi al-Fiqh al-Shafi'e*, Tehran: Dar Ihsan lil Nashr wa al-Tawzi', 80.

Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Isma'il al-Bukhari (t.t.), *Sahih al-Bukhari*, Kitab Bada' al-Khalq, Bab Ma Ja'a fi Sab'i Ardin, Qahirah: Al-Matba'ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha, 2: 420, no. Hadith 3197.

Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazawayni (t.t.), *Sunan Ibn Majah*, dalam Soleh Ibn 'Abd 'Aziz Ibn Muhammad Al-Sheikh, Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif, Kitab al-Siyam, Bab Siyam Ashur al-Haram, Riyadh: Dar al-Salam lil Nashr wa al-Tawzi', 2: 2580, no. Hadith 1741.

Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazawayni (t.t.), *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Siyam, Bab Siyam Ashur al-Haram, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif lil Nashr wa al-Tawzi', h. 303, no. Hadith 1743.

Abu al-Husyan Muslim Ibn Hajjaj Ibn Muslim al-Qusyairi al-Naysaburi (t.t.), *Sahih Muslim*, Kitab al-Siyam, Bab Siyam Nabi SAW fi Ghayr Ramadan wa Istihbab ‘An La Yakhliy Syahran ‘An Saum, 1: 863, no. Hadith 2726.

Abu Dawud Sulayman Ibn al-‘Ath‘ath al-Sajistani (t.t.), *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Saum, Bab fi Saum Ashur al-Haram, Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif li Nashr wa al-Tawzi‘, 426, no. Hadith 2428.

Abu Dawud Sulayman Ibn Ath‘ath al-Sajistani (t.t.), *Sunan Abu Dawud*, dalam Soleh Ibn ‘Abd ‘Aziz Ibn Muhammad Al-Sheikh, Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif, Kitab al-Saum, Bab fi Saum Ashur al-Haram, Riyadh: Dar al-Salam lil Nashr wa al-Tawzi‘, 2: 1403, no. Hadith 2428.

Abu Syamah al-Syafi‘i (1981), *al-Ba‘ith ‘ala Inkar al-Bida’ wa al-Hawadith*, Makkah: Matba‘ah al-Nahdah al-Hadithah, 49.

Al-‘Asqalani (t.t.), *Tabyin al-‘Ajab bi ma Warada fi Syahr Rejab*, Qahirah: Muasasah Qurtubah, 23.

Al-Nawawi (1929), *Sahih Muslim bi Sharh Nawawi*, Misr: al-Matba‘ah al-Misriyyah bi al-Azhar, 8: 38-39.

Hisam al-Din Ibn Musa ‘Afana (2008), *Yas‘alunaka ‘An Ramadan*, Palestin: al-Maktabah al-‘Ilmiyah wa Dar al-Tayyib lil Taba‘ah wa al-Nashr, 171.

Ibn Qayyim al-Jawziyah (t.t.), *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da‘if*, Jeddah: Dar ‘Alim al-Fawa‘id, 84.

Ibn Qayyim al-Jawziyah (t.t.), *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da‘if*, Dar al-‘Asimah lil Nashr wa al-Tawzi‘, 65.

Khalil Ahmad al-Sahharanfuri (t.t.), *Badhl al-Majhud fi Hal Abi Dawud*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 11: 289.

Muhammad Shams al-Haq al-‘Azim Abadi (1968), *‘Awn al-Ma‘bud Sharh Sunan Abu Dawud*, Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Slafiyyah bi al-Madinah al-Munawwarah, 7: 81.

Safa’ al-Dawi Ahmad al-‘Adawi (1999), *Ihda’ al-Dibajah bi Sharh Sunan Ibn Majah*, Maktabah Dar al-Yaqin, 405.

Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn ‘Uthman al-Dhahabi (1998), *Talkhis Kitab al-Mawdu‘at li Ibn*

Jawzi, Riyad: Maktabah al-Rushd, 208.

Soleh Ibn Fawzan al-Fawzan (2003), *Majmu‘ Fatawa*, Riyadh: Dar Ibn Khuzaymah, 1: 438.

Yusuf Ibn Hasan Ibn ‘Abd Hadi al-Maqdisi al-Dimasyqi al-Hanbali (2011), *Ma‘arif al-An‘am wa Fadhl al-Suhur wa al-Ayyam*, Suriah-Lubnan-Kuwait: Dar al-Nawadir, 95-96.